


Salam 'malaikat maut' di musim perayaan

BALIK kampung, ooooo balik kampung, hati riang... lagu Allahyarham Sudirman berkumandang di corong radio setiap kali tibanya musim perayaan. Riang sekali anak kecil itu mengikut bait-bait lirik lagu tersebut. Apabila tahu sahaja musim perayaan akan menjelma, berbunga-bunga hati anak kecil itu. Manakan tidak, setiap kali musim perayaan tiba, pastinya mereka akan pulang ke kampung untuk meraikan hari raya bersama datuk dan nenek yang jauh nun di kampung halaman. Lebih-lebih lagi dapat berkumpul bersama saudara mara yang sebaya dengannya mengumpul duit raya.

Di kampung halaman, tidak jemu si tua menunggu ketibaan yang dinanti. Harapan supaya panas sampai ke petang, namun siapa sangka hujan jua di tengah hari. Kepulangan yang ditunggu berakhir dengan berita yang begitu menyayat hati. Terbayang wajah anak, menantu dan cucu kesayangan pulang



menyambut Aidilfitri bersama-sama. Saban tahun, kita sering kali disajikan dengan berita yang memilukan,

terutamanya musim perayaan menjelang. Hari meriah yang sepatutnya disambut dengan rasa gembira dan ceria di samping sanak saudara tersayang. Namun realitinya, musim perayaan sering kali disulami dengan linangan air mata dan sedu-sedan.

Memang kita sentiasa berdoa supaya perjalanan pergi dan pulang selamat, tetapi malangnya kita turut disajikan dengan berita kemalangan jalan raya yang sentiasa berulang akibat memandu terlalu laju dan cuai. Adakah ini juga mahu dikatakan takdir?

Kerajaan, pihak berkuasa dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) kerap berusaha menerusi kempen dan penguatkuasaan di jalan raya untuk memastikan tragedi kemalangan tidak menjadi pemusnah kemeriahan Aidilfitri.

Kita masih alpa dan tidak meng-

ambil sebarang pengajaran terhadap kejadian yang berlaku. Masih ada pengguna jalan raya memandu dalam keadaan terburu-buru untuk tiba ke kampung secepat mungkin sehingga mengabaikan faktor keselamatan.

STATISTIK MENINGKAT

Jangan terkejut sekiranya angka statistik kemalangan jalan raya sering

meningkat setiap kali tibanya musim perayaan, terutamanya perayaan besar seperti hari raya Aidilfitri. Pelbagai langkah telah diambil oleh pihak berkuasa terutamanya Polis Di Raja Malaysia (PDRM) bagi mengatasi masalah kemalangan jalan raya setiap kali

musim perayaan. Namun, langkah tersebut masih menemui jalan buntu. Kemalangan tetap meningkat. Di manakah silapnya?


Antara usaha yang telah di jalankan ialah melancarkan Ops Sikap sejak 2001 hingga tahun ini dengan harapan operasi pemantauan di jalan-jalan utama seluruh negara boleh mengurangkan kemalangan. Namun, keputusan statistik menunjukkan angka yang agak menyedihkan kerana pengurangan angka yang diharapkan, tetapi peningkatan yang di peroleh. Tetapi Ops Sikap masih diteruskan untuk mengatasi masalah ini.

Dalam hal ini, kita tidak sepatutnya menyalahkan pihak polis semata-mata. Mereka telah berusaha untuk menangani masalah ini. Namun masih terdapat banyak faktor lain yang membawa kepada kecelakaan jalan raya ini.

FAKTOR-FAKTOR KEMALANGAN JALAN RAYA

Setiap apa yang berlaku pasti ada sebab dan akibatnya. Namun tiada siapa yang dapat menjangka. Hatta sudah berusaha untuk mengelak sekalipun, namun apabila yang Maha Mengetahui itu mengatakan 'Kun Fayakun' maka ia tetap berlaku. Sebagai manusia yang kamil, kita hanya boleh berusaha selagi mungkin. Kemalangan

Kemalangan Maut Mengikut Tahun 2006-2009



Statistik Kemalangan Maut 2006 - 2009

Bangsa	Maut
Melayu	6,703
China	2,190
India	1,137
Kadazan	30
Murut	215
Melanau	37
Bajau	151
Bidayuh	118
Iban	48
Bangsa Asing	34
Lain-lain	90
JUMLAH	10,753

Bilangan Kemalangan	
2006	5,719
2007	5,672
2008	5,974
2009	6,218

an yang berlaku mempunyai pelbagai sebab, antaranya faktor manusia itu sendiri, faktor persekitaran dan tidak lupa juga faktor kenderaan.

Faktor manusia merupakan faktor paling banyak dikaitkan dengan kemalangan jalan raya. Sikap manusia yang pelbagai ragam menyebabkan jalan raya turut menjadi medan untuk mereka melepaskan geram. Mereka melakukan salah laku jalan raya dalam beberapa bentuk kesalahan seperti memandu secara terburu-buru, keganasan jalan raya dan juga kecuai memandu.

Kecuai memandu bermaksud kelalaian atau tidak berhati-hati ketika

memandu. Perkara ini merupakan satu salah laku kerana perlakuan ini boleh menyebabkan kecelakaan kepada diri pemandu itu sendiri dan juga kepada pengguna jalan raya yang lain.

Memandu secara terburu-buru bermaksud memandu dalam gaya yang cepat dan bergegas-gegas. Perkara ini boleh ditafsirkan sebagai satu kesalahan mengikut Seksyen 42(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 iaitu 'memandu secara melulu dan berbahaya hingga mengancam keselamatan pengguna jalan raya lain' dan boleh dihukum penjara hingga lima tahun atau denda minimum RM5,000 atau

kedua-duanya. Pemandu yang suka akan gaya memandu sedemikian biasanya menghadapi masalah dalam keperibadian diri mereka.

Kemalangan jalan raya juga boleh berlaku, bukan setakat memandu laju, malah pemanduan yang terlalu perlahan juga boleh mengakibatkan kemalangan jalan raya. Pemandu sebegini sepatutnya lebih peka terhadap arahan had laju yang ditetapkan. Pemanduan terlalu perlahan boleh menyebabkan kesesakan lalu lintas. Secara tidak langsung menaikkan kemarahan pemandu lain. Bagi kesalahan ini akan dikenakan denda sebanyak RM 300. **A**

Bila hubungan antara manusia terlepas pandang

SETIAP manusia mempunyai hubungan dengan Allah dan hubungan antara manusia sesama manusia. Ia dikenali dengan nama hablumminallah iaitu hubungan manusia dengan Allah manakala hablumminannas, hubungan manusia sesama manusia.

Menurut Dr. Jasri Jamal, Pensyarah di Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, (UKM), seseorang itu tidak boleh dinilai dengan hanya melihat dari sudut Hablumminallah. Malah perlu di lihat juga secara mendalam hubungannya sesama manusia.

Masih ramai manusia di muka bumi ini yang tidak mementingkan hubungan sesama manusia. Bagi mereka cukuplah sekadar taat dengan perintah Allah. Dalam tidak sedar, itu semua merupakan salah satu keredaan Allah apabila seseorang itu menghormati hubungan sesama manusia ini.

Apabila membicarakan berkaitan hubungan manusia sesama manusia dengan kemalangan


jalan raya, banyak yang dapat dijadikan contoh. Tidak salah jika dikatakan apabila seseorang itu memandu, ada yang berubah sikap mereka yang sebenar. Mereka memandu dengan laju dan melulu tanpa memikirkan pengguna jalan raya yang



Dr. Jasri Jamal

lain.

Kadang kala mereka tidak dapat menahan perasaan marah sekiranya berlaku kesesakan lalu lintas. Secara tidak sedar mereka mula memaki hamun pengguna lain. Walaupun orang yang di maki hamun itu



Hablumminannas penting dalam usaha elak kemalangan. - Gambar hiasan

tidak mendengar apa yang di maki kepadanya, tetapi ingat Allah Maha Mengetahui segalanya. Mengikut Islam, sekiranya seseorang itu tidak memaafkan kesalahan seseorang itu, maka dosa maki hamun tersebut tidak akan terhapus selagi orang yang memaki hamun itu tidak pergi berjumpa dengan orang tersebut dan meminta maaf.

Sikap sedemikian, akan mendatangkan masalah kepada pengguna jalan raya yang lain. Manakan tidak, jika hanya mementingkan diri sendiri, mereka tidak lagi merasakan perbuatan mereka itu salah. Bahkan, bukan sahaja salah di sisi undang-undang jalan raya, tetapi turut salah dalam Islam. Di sini jelas terlihat hilangnya hablumminannas tersebut.

Sikap individu jelas Dr. Jasri, sebenarnya menjadi perkara utama pada hormat menghormati sesama manusia ketika berada di atas jalan raya. Lebih-lebih lagi apabila tibanya musim perayaan. Masing-masing ada ego sendiri. Masing-masing berkejar-kejar untuk cepat sampai ke destinasi langsung tidak memikirkan kesan yang mungkin mereka alami. **A**

PEGAWAI penyelidik Unit Sistem Pengkalan Data Kemalangan & Analisis dari Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Nur Fazzillah Mohamed Noordin tatkala menyentuh isu kemalangan jalan raya, menyatakan, antara faktor yang turut menyumbang berlakunya kemalangan jalan raya ialah apabila wujudnya papan tanda yang mengelirukan.



Nur Fazzillah

Katanya, papan tanda atau penunjuk arah yang ada di Malaysia kebanyakan mengelirukan pengguna jalan raya sekali gus membahayakan. Hal ini boleh terjadi apabila pemandu hilang fokus ketika memandu sekali gus mencetuskan punca-punca berlakunya kemalangan.

Justeru, Nur Fazzillah mencadangkan, sistem penomboran dilakukan bagi setiap nama jalan. Jelasnya, kadangkala nama singkatan yang digunakan pada papan tanda tidak difahami oleh pengguna. Hal ini sudah cukup merumitkan pengguna jalan raya apatah lagi bagi mereka yang tidak biasa dengan jalan yang dilalui. Ujarnya, kaedah penggunaan nombor tersebut ini telah lama di gunakan oleh negara luar yang sedang membangun.

Dalam pada itu, Nur Fazzillah melalui kajian yang dilakukan mendapati, bagi tahun 2001 hingga 2009, sebanyak 62 peratus daripada

Papan tanda keliru, pengguna haru-biru



Sistem penomboran disarankan untuk diletakkan di papan tanda. - Gambar hiasan

jumlah kemalangan melibatkan kaum Melayu berbanding Cina, India, Bidayuh, Iban, Bajau, Melanau, Kadazan dan lain-lain lagi.

Manakala peringkat umur paling tinggi yang terlibat dengan kemalangan, adalah dalam lingkungan 18

hingga 30 tahun. Jelasnya, golongan yang berada di usia ini kebanyakan terdiri daripada mereka yang baru mendapat lesen memandu. Hal ini ujarnya, menimbulkan rasa keghairahan yang tidak terkawal sekali gus menyumbang meningkatnya jumlah

kemalangan.


Daripada statistik yang diberikan, didapati, dalam lingkungan usia tersebut, seramai 4,180 didapati maut ber-

beza bagi mereka yang berusia lebih 50 tahun iaitu 2,188 orang. Pun begitu, statistik turut mencatatkan, umur lingkungan kurang 12 tahun turut berde-


pan dengan kemalangan maut dengan mencatat seramai 455 orang. Manakala di dalam lingkungan usia 13 hingga 17 tahun seramai 869 orang. **A**

Statistik kemalangan jalan raya bagi tempoh 2001 hingga 2009

Umur	Maut
< 12	455
13 - 17	869
18 - 30	4,180
31 - 50	3,630
> 50	2,188
JUMLAH	11,322



Carta pai menunjukkan bangsa Melayu antara jumlah tertinggi terlibat dalam kemalangan.



Gambar hiasan

Kekangan bajet halang penguatkuasaan

RUTIN setiap tahun bagi apabila tibanya musim perayaan, mereka yang merantau jauh dari kampung halaman akan berebut-rebut untuk mendapatkan tiket balik raya. Ketika itu, kebanyakan syarikat bas akan mengambil peluang untuk menyediakan bas tambahan. Sedikit

sebanyak akan membantu perantara yang ingin pulang beraya di kampung halaman. Namun, kerana terlalu ingin mengejar keuntungan tersebut, mereka sering kali lupa keselamatan penumpang yang ramai itu.

Berpeluang menemu bual DSP Trafik Bukit Aman, Kuala Lumpur, Zainal Abdul Hamid, penulis tidak

melepaskan peluang untuk bertanya mengenai persediaan dan strategi sempena musim perayaan yang bakal menjelma. DSP Zainal menerangkan, pihak polis masih menggunakan strategi yang sama seperti tahun lepas.

Bagaimanapun, akibat kekangan bajet, pihaknya tidak mampu untuk membuat pemeriksaan berterusan terhadap pemandu lori dan bas yang memandu di bawah pengaruh alkohol khususnya. Ujarnya, peralatan tersebut sangat mahal. Oleh yang demikian, pantauan akan di jalankan secara ram-bang dan mengejut.


Manakala bagi jadual perjalanan bas, katanya, pihak polis tidak mempunyai kuasa untuk menghalang perjalanan bas. Terpulang kepada pengurusan syarikat bas tersebut dalam menyusun jadual perjalanan tersebut.

Di tanya lagi, adakah pihak polis akan membuat pemeriksaan di setiap terminal bas bagi mengelakkan pemandu yang sama memandu bas untuk beberapa kali dalam satu hari? DSP Zainal menjawab, itu juga bukan di bawah kawalan pihak polis, mereka hanya mampu membuat pemeriksaan terhadap kesihatan pemandu dan keadaan bas berada dalam keadaan selamat sebelum memulakan perjalanan.

Menurutnya lagi, pihak polis tidak boleh memaksa syarikat bas untuk

Jenis Kesalahan	Maut (%)
Keluar/Masuk	0.20
Iyarat Tidak Sempurna	0.00
Melebihi Muatan (Barang)	0.00
Melebihi Muatan (Penumpang)	0.52
Letak Kenderaan Tidak betul	0.21
Dadahi	0.06
Memandu Secara Cuni	2.37
Memandu Secara Bahaya	0.63
Memebel Secara Bahaya	2.81
Memotong Secara Bahaya	1.23
Mengekor Secara Bahaya	1.14
Memandu Laju	3.52
Tidak Mengikut Lampu Iyarat	0.50
Kesalahan-kesalahan Lain	4.05
Tidak Bersalah	82.75
JUMLAH	100.00

menghantar senarai nama pemandu mereka. Pun begitu, DSP Zainal sempat berpesan supaya pihak pengurusan bas lebih mengambil serius berkenaan isu ini. Jangan terlalu mengejar keuntungan semata-mata tanpa memikirkan nyawa penumpang yang ingin pulang beraya di kampung halaman bersama orang tersayang, katanya. **A**



Pihak berkuasa sentiasa menjalankan tugas. - Gambar hiasan

Tips keselamatan jalan raya menjelang musim perayaan

- 1 Periksa kenderaan.**
Periksa kenderaan anda terutamanya bahagian brek, tayar dan pastikan tidak ada sebarang masalah.
- 2 Awasi anak-anak.**
Pastikan anak anda berada di tempat yang sepatutnya dan diawasi oleh golongan yang lebih dewasa terutamanya yang berumur kurang dari lima tahun bagi mengelakkan mereka mengganggu pemanduan anda.
- 3 Pastikan rehat yang secukupnya.**
Dapatkan rehat yang secukupnya dan mulakan perjalanan anda pada waktu yang sesuai bagi anda. Sekiranya anda berasa lebih segar pada waktu pagi jangan tangguh perjalanan anda. Sekiranya mengantuk, sila berehat di hentian yang selamat.
- 4 Rancang perjalanan.**
Rancang perjalanan anda dan elakkan membawa muatan berlebihan dan bagi pemandu yang mempunyai anak kecil, elakkan perjalanan pada waktu malam.
- 5 Berhemah di jalan raya.**
Berhemah di jalan raya dan ikut peraturan yang telah ditetapkan seperti jangan memotong di selekoh berbahaya.
- 6 Baca doa.**
Bagi yang beragama Islam seeloknya membaca doa naik kenderaan dan berwuduk sebelum memulakan perjalanan. Dengan cara ini akan menambahkan lagi keyakinan pemanduan. Dengan berwuduk akan memberi kelebihan tubuh badan yang sihat, serta pemandangan yang jelas.
- 7 Bayangkan destinasi.**
Bayangkan destinasi anda sebelum memulakan perjalanan dan insya-Allah anda akan tiba dengan selamatnya.
- 8 Jangan terburu-buru.**
Jangan terburu-buru di jalan raya kerana yang penting anda sekeluarga tiba ke destinasi dengan selamat dan dapat bersama dengan keluarga tersayang dan bukan meratapi berita yang membawa kesedihan.
- 9 Ikut had laju.**
Jangan memandu melebihi had laju yang ditetapkan dan ingatlah orang yang tersayang. Patuhi had laju, jangan berlumba-lumba untuk sampai ke destinasi.
- 10 Jauhi kekekaan dan kecuiaan.**
Ingat nahas tidak mengira mangsa, kekekaan dan kecuiaan membawa padah sepanjang hayat.